



**PERDEBATAN INTELEKTUAL ANTARA AL-GHAZALI DAN
IBNU RUSYD: ANALISIS KRITIKAL TERHADAP TAHAFUT AL-
FALASIFAH DAN TAHAFUT AL-TAHAFUT**
***THE INTELLECTUAL DEBATE BETWEEN AL-GHAZALI AND IBN
RUSHD: A CRITICAL ANALYSIS OF TAHAFUT AL-FALASIFAH
AND TAHAFUT AL-TAHAFUT***

Mohamad Azizie Nordin¹, Saiful Akram Che Cob¹

Fakulti Pengurusan dan Informatik, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
Faculty Art and Design, Universiti Teknologi Mara (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini membahaskan perdebatan antara al-Ghazali dan Ibnu Rushd merupakan antara wacana falsafah Islam paling berpengaruh dalam sejarah pemikiran Islam. Al-Ghazali melalui karya monumentalnya, *Tahafut al-Falasifah*, yang merupakan tanggapan langsung terhadap *Tahafut al-Tahafut* karya Ibnu Rusyd. Kajian ini bertujuan untuk menelaah secara kritis argumen-argumen utama yang diajukan oleh Ibnu Rushd dalam mempertahankan rasionalisme dan falsafah Islam klasik, sekaligus mengkritik pendekatan teologis Al-Ghazali yang dianggapnya membatasi ruang intelektual dan metodologi falsafah. Melalui analisis tekstual dan konteks pemikiran Islam abad pertengahan, artikel ini mengungkapkan dinamika intelektual antara falsafah dan teologi serta implikasi kritik Ibnu Rushd terhadap perkembangan pemikiran Islam selanjutnya. Kajian ini memberikan pandangan baharu terhadap hubungan akal dan wahyu dalam menghadapi cabaran pemikiran Islam kontemporari.

Keywords: Ibnu Rushd, Al-Ghazali, falsafah Islam, rasionalisme, teologi

Abstract

This article discusses the debate between al-Ghazali and Ibn Rushd, which stands as one of the most influential discourses in the history of Islamic thought. Al-Ghazali, through his monumental work *Tahafut al-Tahafut* (*The Incoherence of the Incoherence*), directly responded to *Tahafut al-Falasifah* (*The Incoherence of the Philosophers*), written by Ibn Rushd. This study aims to critically examine the main arguments presented by Ibn Rushd in defending rationalism and classical Islamic philosophy, while simultaneously critiquing

Perkembangan Artikel

Diterima: 30 September 2025

Disemak: 19 Oktober 2025

Diterbit: 31 Oktober
2025

***Corresponding Author:**

Mohamad Azizie Nordin, Fakulti
Pengurusan dan Informatik
Universiti Islam Pahang Sultan
Ahmad Shah
[Email: azizie@unipsas.edu.my](mailto:azizie@unipsas.edu.my)

al-Ghazali's theological approach, which he considered to limit the intellectual scope and methodology of philosophy. Through textual analysis and the context of medieval Islamic thought, this article reveals the intellectual dynamics between philosophy and theology, as well as the implications of Ibn Rushd's critique on the subsequent development of Islamic thought. The study offers a fresh perspective on the relationship between reason and revelation in addressing the challenges of contemporary Islamic thought.

Keywords: Ibnu Rushd, Al-Ghazali, falsafah Islam, rasionalisme, teologi

PENDAHULUAN


"Barang siapa yang tidak memahami ilmu logika, maka pengetahuannya tidak mempunyai nilai dan kredibiliti."

Al-Ghazali melalui pemikirannya yang jernih dan tajam, beliau beranggapan bahawa ilmu yang paling asas dan agung sekali adalah Ilmu Penyibakan (ilm al-mukashafah), ilmu yang bersifat rohani dan batin, merupakan 'inti-inti' dan 'akar-akar' tunjang dalam ranah agama. Ilmu ini diperoleh melalui penyucian jiwa dan penyingkapan hakikat (kebenaran sejati). Beliau juga ada menyatakan bahawa ilmu ini harus yang diutamakan pada para pendahulu, yakni (al-salaf al shalih) (Alfi, 2018). Pentingnya Ilmu Penyibakan dalam pendidikan spiritual dan moral umat Islam sangat ditekankan oleh Al-Ghazali, yang melihatnya sebagai jalan menuju pemahaman yang lebih dalam tentang Tuhan (Imam Al-Ghazali Dan Pemikirannya, 2023). Ilmu Penyibakan menjadi asas dalam pendidikan moral, yang mana ilmu pada dasarnya adalah menggali, menyerap dan memahami suatu fenomena melalui konsep dan teks. Dalam konteks kajian ini, Ilmu Penyibakan berfungsi sebagai kaedah atau alat kritis yang memungkinkan seseorang untuk menyingkap lapisan-lapisan sebuah tatanan makna yang tersembunyi di sebalik sesuatu idea atau doktrin falsafah. Hal ini juga Al-Ghazali menekankan pentingnya penyucian jiwa untuk mendekatkan diri kepada Allah. Dengan demikian, pemahaman spiritual yang mendalam dapat dicapai melalui pendekatan ini (Adebolajo, J. 2022).

Namun, kebelakangan ini banyak dilupakan orang kerana terlalu sibuk dengan ilmu duniawi (Kalam dan Fikih). Alexender Trieger membuktikan bahawa Ilmu Penyibakan ini mempunyai falsafah yang cukup kental dan hayati, kerana Al-Ghazali mengkatogerikan kepada dua bahagian, iaitu keselamatan (najah) dan kebahagiaan (sa'daah). Beliau juga cenderung terhadap ini ilmu ini, kerana merupakan kepingan-kepingan konsep yang menjadi 'nadi' dan 'jantung' dalam panggung falsafah. Jika ditilik selintas, keselamatan di sini bermaksud boleh diperoleh oleh seseorang yang memiliki iman, walaupun tidak memiliki pengetahuan sekalipun, manakala kebahagiaan akan diperoleh mereka yang mengenal Tuhan melalui ilmu pengetahuan. Pentingnya Ilmu Penyibakan dalam pendidikan spiritual dapat mengarahkan individu untuk mencapai kedamaian batin dan pemahaman yang lebih mendalam tentang eksistensi Tuhan (Anam, 2022).

Dalam masa yang sama, terdapat banyak persoalan mengenai Al-Ghazali yang berbunyi, adakah risalah *Tahafut al-Falasifah* ini memberi kritikan dan serangan kepada para falsafah. Justeru, untuk menjawab persoalan yang diutarakan sebegini, pertama-tama kita hendaklah cermati melihat dari sudut hitam putih Alexder Treiger:

“Al Ghazali adalah pemikir yang konsisten dan kritiknya itu tidak bertentangan dengan kesetujuannya dengan idea-idea falsafah Avicennian”.



Rajah 1: Struktur Ilmu Penyibakan dan hubungannya dengan Penyucian Jiwa dan Kritikan Falsafah
Sumber: Diilustrasikan oleh penulis berdasarkan buku Tahafut al-Falasifah

Falsafah berperanan sebagai pendekatan rasional yang membantu memahami makna batin syariat, sementara spiritualiti bertindak sebagai landasan penyucian diri (Hammis Syafaq, Hilmy, M., Musyafaah, N. L., & Alshaykh Ali, M. R. A. 2023). Gabungan ketiga-tiganya falsafah, spiritualiti dan akal kritis membentuk individu Muslim yang seimbang secara intelektual dan rohani. Jika dipersudutkan dalam idea-idea Al-Ghazali, asal-muasalnya beliau pada padasarnya tidak menolak sepenuhnya konsep falsafah tersebut, tetapi hanya mengkritik aspek-aspek yang tertentu yang bercanggah dengan agama. Walaupun ada tuduhan bahawa beliau tidak konsisten kerana masih

menggunakan konsep falsafah Avicennian, pandangan seperti Alexander Treiger membuktikan bahawa kritikan Al-Ghazali bersifat selektif (Ardilla Tari, A., Hasanah, M., & Puspika Sari, H. 2024). Beliau menerima idea falsafah yang selari dengan pandangan agamanya dan menolak yang bertentangan dengan pemikirannya. Jadi, sikap beliau yang tegas dan lunak terhadap falsafah bukanlah penolakan secara mutlak, tetapi ditelusuri melalui 'akal sihat' beliau berdasarkan kesesuaian dengan teologi Islam. Walau bagaimanapun, wujud kekurangan kajian yang meneliti secara sistematik bagaimana pendekatan selektif ini membentuk tafsiran falsafah dalam konteks Islam dan implikasinya terhadap pemikiran masyarakat. Jurang inilah yang memberi ruang kepada kajian ini untuk meneliti secara kritis interaksi antara pemikiran falsafah dan teologi Islam, sekaligus menilai relevansinya dalam konteks akademik dan pemahaman masyarakat moden.

OBJEKTIF

1. Menganalisis hujah-hujah al-Ghazali dalam *Tahafut al-Falasifah* yang mengkritik pandangan para falsafah.
2. Meneliti jawapan balas Ibnu Rusyd dalam *Tahafut al-Tahafut* terhadap kritikan al-Ghazali.
3. Menghuraikan perdebatan falsafah antara al-Ghazali dan Ibnu Rusyd sebagai wacana penting dalam tradisi intelektual Islam.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif berasaskan analisis teks dan wacana falsafah. Data utama diperoleh daripada karya asli al-Ghazali *Tahafut al-Falasifah* dan karya Ibnu Rusyd *Tahafut al-Tahafut* sebagai teks primer. Analisis dijalankan dengan meneliti teks primer secara sistematik bagi memahami dan menafsir idea serta hujah tokoh secara mendalam. Idea dan hujah yang terkandung dalam *Tahafut al-Falasifah* dan *Tahafut al-Tahafut* ditafsir untuk mengenal pasti persamaan, perbezaan, serta kesesuaian atau pertentangan dengan prinsip teologi Islam dalam ranah falsafah. Alhasil, tafsiran ini kemudian dibandingkan antara kedua-dua tokoh untuk melihat bagaimana setiap konsep falsafah diterima, ditolak, atau disesuaikan mengikut tradisi keilmuan. Proses ini diperkukuh dengan rujukan kepada sumber sekunder seperti buku, artikel jurnal, dan literatur akademik yang membincangkan perdebatan kedua-dua tokoh, bagi memberi pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap interaksi antara falsafah dan agama.

Kaedah Pengumpulan Data

Analisis dilaksanakan melalui pendekatan analisis wacana kritis, hermeneutik, dan epistemologi falsafah Islam bagi meneliti hujah, kaedah, dan asas pemikiran al-Ghazali serta respons Ibnu Rusyd. Skop kajian difokuskan pada konteks perdebatan epistemologi dan metafizik yang menjadi teras perbincangan kedua-dua tokoh. Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan, kajian ini

Commented [si1]: Disarankan tambah subbahagian kecil seperti *Kaedah Pengumpulan Data* dan *Kaedah Analisis Data* untuk menyeragamkan format dengan artikel lain dalam Jurnal al-Sirat.

menggunakan triangulasi sumber, konsistensi interpretasi dengan kerangka falsafah Islam, serta reflektiviti penyelidik dalam menilai konteks sejarah dan pemikiran yang melatari perdebatan tersebut..

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kerancuan Pandangan Falsafah tentang Jiwa: Tubuh, Kesedaran, dan Akhirat dalam Wacana Tahāfut al-Falāsifah dan Tahāfut al-Tahāfut

Kerancuan Teori Para Falsafah tentang Jiwa Manusia

Perdebatan mengenai sifat jiwa manusia telah menjadi isu utama dalam kalangan para falsafah. Beberapa di antaranya berpendapat bahawa jiwa adalah entiti yang terpisah dan tidak bergantung kepada tubuh fizikal, serta dianggap sebagai substansi abadi yang tidak terikat oleh dunia material. Sebaliknya, ada juga yang beranggapan bahawa jiwa merupakan hasil daripada aktiviti otak dan tubuh, yang hanya berfungsi sebagai manifestasi daripada proses biologi dan fizikal. Isu ini berkait rapat dengan konsep-konsep ketuhanan dan malaikat, di mana jiwa dianggap sebagai entiti spiritual yang bebas daripada batasan ruang dan masa. Dalam konteks ini, perbincangan falsafat cuba menjawab persoalan besar: bagaimanakah jiwa dapat berfungsi tanpa bergantung kepada instrumen fizikal? Sebagai contoh, apabila seseorang merasa lapar walaupun tubuhnya tidak memerlukan makanan, ia menunjukkan bahawa jiwa dapat membayangkan atau merasakan sesuatu tanpa adanya rangsangan fizikal yang nyata. Begitu juga, apabila seseorang merasa sedih kerana kehilangan seseorang yang penting, walaupun tubuhnya sihat, perasaan tersebut lebih kepada dimensi jiwa yang mendalam daripada sekadar tindak balas biologi tubuh. Begitu pula dengan pengalaman membayangkan rute perjalanan tanpa melihat peta secara langsung, di mana minda kita dapat "melihat" laluan tersebut meskipun mata kita tertutup. Ini menunjukkan bahawa jiwa mempunyai keupayaan persepsi dalaman yang berfungsi tanpa bergantung sepenuhnya kepada pancaindera luar (Brinkmann, 1998).

Bantahan atas Pendapat Para Falsafah tentang Jiwa Manusia

Beberapa pemikir menentang pandangan bahawa jiwa hanya merupakan manifestasi daripada fungsi tubuh atau posisi Maha Kuasa, kerana mereka beranggapan bahawa jiwa mempunyai potensi yang lebih besar dan dapat berfungsi walaupun tubuh manusia mengalami kerosakan atau kecacatan. Sebagai contoh, seorang individu yang buta masih mampu membayangkan warna seperti biru langit atau hijau daun, meskipun matanya tidak dapat melihat. Hal ini menunjukkan bahawa jiwa mempunyai kemampuan imajinatif yang tidak bergantung pada pancaindera fizikal. Di samping itu, walaupun seseorang mengalami penyakit yang teruk atau lumpuh, mereka tetap dapat merasakan emosi seperti harapan atau rasa syukur, yang menunjukkan bahawa jiwa tetap aktif walaupun tubuhnya tidak lagi berfungsi dengan sempurna. Sebagai contoh, seseorang yang sedang tidur tetap boleh merasa cemas atau khawatir tentang tugas yang perlu diselesaikan pada keesokan harinya, meskipun tubuhnya sedang berehat. Perasaan ini datang dari jiwa, bukan daripada aktiviti fizikal tubuh. Oleh itu, jiwa dianggap sebagai entiti yang lebih abadi dan tidak sepenuhnya terikat kepada kondisi tubuh fizikal (Reeve, 2013).

Penolakan Para Falsafah atas Kebangkitan Jasmani, Kembalinya Jiwa ke Tubuh, Eksistensi Surga dan Neraka

Para falsafah sering menolak konsep kebangkitan jasmani dan kembalinya jiwa ke dalam tubuh, serta kewujudan syurga dan neraka dalam bentuk fizikal, kerana ia dianggap tidak selaras dengan logika dan ilmu pengetahuan yang diterima. Mereka berpendapat bahawa tubuh manusia, setelah meninggal, akan terurai menjadi unsur-unsur dasar, menjadikan konsep kebangkitan jasmani sebagai sesuatu yang sukar difahami secara rasional. Walau bagaimanapun, ramai yang percaya bahawa kebangkitan jasmani adalah janji Tuhan yang harus diterima dengan iman, meskipun ia sukar difahami oleh akal manusia. Sebagai contoh, ketika seseorang meninggal dunia, walaupun tubuh fizikalnya telah tiada, keluarga dan sahabat sering merasakan bahawa "roh" atau "jiwa" orang tersebut masih wujud, memberi harapan bahawa kehidupan tidak berakhir dengan kematian fizikal. Di samping itu, konsep Surga dan Neraka sering dijadikan sebagai motivasi moral dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, seseorang mungkin berusaha untuk berbuat baik dan bekerja keras kerana percaya bahawa amalnya akan mendapatkan ganjaran di akhirat. Meskipun tidak dapat dibuktikan secara logik, kepercayaan ini tetap memberi makna dan tujuan dalam menjalani kehidupan (Turner, 2018).

Kerancuan Konsep Jiwa dalam Falsafah: Analisis Perdebatan Falsafiah dan Kritik Ibnu Rusyd terhadap Al-Ghazali dalam Tahafut al-Falasifah

Falsafah Tidak Bertentangan dengan Iman

Ibnu Rusyd menolak secara tegas pandangan Al-Ghazali bahawa falsafah ini dianggap sebagai suatu ancaman terhadap keimanan dan kesucian akidah Islam. Atas dasar itu, risalahnya yang cukup masyhur, yakni *Tahafut al-Falasifah*, Al-Ghazali menuduh sang falsafah seperti Aristoteles dan pengikutnya sebagai sesat, bahkan dalam tiga isu yang kini menjadi perdebatan seperti yang diutarakan iaitu, kekekalan alam, ilmu Tuhan tentang juz'iyat, dan kebangkitan jasmani sang falsafah ini menganggap mereka telah kufur. Bagi Ibnu Rusyd, pandangan ini terlalu ekstrem dan membahayakan kestabilan ilmu pengetahuan dan tradisi intelektual Islam. Justeru, Ibnu Rusyd pun menggunakan analisis kritikal dan rasional untuk memberikan kritikan terhadap Al-Ghazali terhadap pandangannya yang memberikan impak besar terhadap wacana intelektual Islam dan pemahaman metafizik umat Islam. Ibnu Rusyd dalam karya balasannya, *Tahafut al-Tahafut*, menegaskan bahawa falsafah, khususnya dalam bentuknya yang rasional dan logikal, bukan sahaja tidak bertentangan dengan wahyu, bahkan menyokong serta memperkukuh pemahaman terhadapnya. Falsafah juga ini akan membantu manusia memahami makna-makna wahyu secara lebih mendalam sekaligus memahami apa erti nilai kebaikan, keindahan, dan kebenaran. Misalnya, dengan logik, seseorang dapat memahami konsep keesaan Tuhan (tauhid), keadilan Ilahi, dan hikmah dalam ciptaan. Secara sederhana, hal ini juga boleh dikaitkan oleh pandangan oleh Fahrudin Faiz, di mana ia juga akan menyajikan pengalaman, pemahaman dan pengamatan dalam keindahan, mahupun dalam falsafah (Syafaq, H., Hilmy, M., Musyafaah, N. L., & Alshaykh Ali, M. R. A. 2023).

Ibnu Rusyd juga mengkritik pendekatan tekstual literal yang menolak tafsiran akhliah terhadap ayat-ayat mutasyabihat. Beliau mengemukakan idea bahawa terdapat pelbagai lapisan pemahaman

dalam teks suci yang zahir dan yang batin dan kedua-duanya tidak boleh difahami sepenuhnya tanpa pendekatan rasional. Sebagai contoh, seorang pelajar dalam bidang astronomi meneliti pergerakan planet, struktur galaksi, dan hukum graviti bagi memahami fenomena kosmik secara sistematik. Hal ini juga dia tidak akan jauh dengan Tuhan disebabkan mengkaji kebesaran Tuhan bahkan keteraturan alam semesta. Dia melihat kebesaran Tuhan dalam hukum-hukum fizik dan matematik yang rumit. Pemikiran ini selaras dengan pendekatan Ibnu Rusyd yang melihat akal dan wahyu sebagai dua sumber ilmu yang harus disatukan. Sekiranya pelajar ini dihalang dengan alasan bahawa ilmu seperti astronomi tergolong dalam 'falsafah yang menyesatkan dia bukan sahaja akan kehilangan semangat menimba ilmu, bahkan akan tercicir dari kemampuan ummah untuk bersaing dalam arus sains dan teknologi (Hasan, 2013).

Peranan Akal dalam Pencarian Kebenaran

Salah satu arugumen yang paling tajam dan terang bagi pandangan Ibnu Rusyd terhadap Al-Ghazali ialah tentang peranan akal dalam mencari kebenaran. Al-Ghazali meletakkan pengalaman rohani, intuisi (kasyf), dan wahyu sebagai puncak epistemologi. Beliau meragui kemampuan akal untuk mencapai hakikat secara tuntas, apatah lagi dalam perkara-perkara metafizik. Namun, bagi Ibnu Rusyd, akal sihat ini merupakan alat terpenting yang dianugerahkan oleh Tuhan untuk melihat dan mengamati alam, simbol-simbol dan sebagainya. Menurutnya, Allah tidak akan mencipta akal melainkan untuk digunakan sebaiknya. Ini juga merupakan sebuah instrumen untuk menilai benar dan salah atau yang dikenali sebagai etika, memahami hukum-hakam, fungsional dan kosmologi atau dikenali sebagai alam. Jika akal ditolak, maka segala bentuk ijtihad, pengkajian ilmiah, dan pembangunan ilmu akan lumpuh. Dalam dunia Islam klasik, akal telah melahirkan pelbagai tokoh hebat seperti Ibn Sina, al-Farabi, dan al-Kindi, yang menggabungkan akidah Islam dengan pemikiran rasional. Ibnu Rusyd melihat usaha mereka bukan sebagai penyelewengan, tetapi sebagai sumbangan besar kepada pembangunan ilmu Islam.

Seorang jurutera Muslim sedang merancang membuat sebuah jambatan untuk merentasi sungai besar. Dia perlu mengambil kira tekanan, struktur tanah, dan bahan binaan. Kesemua ini memerlukan penggunaan akal, ilmu matematik dan fizik. Jika dia menolak akal dan hanya bergantung kepada "doa" atau "ilham rohani", jambatan itu mungkin akan roboh dan membahayakan nyawa orang ramai. Ibnu Rusyd menganggap pendekatan seperti ini sebagai menyalahi sunnatullah, kerana Allah sendiri menetapkan hukum sebab-akibat dan memerintahkan manusia untuk menggunakan akal. Al-Quran sendiri berulang kali menyebut: Afala ta'qilun? Tidakkah kamu berakal? Penggunaan akal dalam ilmu pengetahuan adalah suatu keharusan, dan hal ini sejalan dengan prinsip yang diusung oleh Al-Qur'an yang mendorong umatnya untuk berpikir dan memahami alam semesta secara rasional (Al-Janabi & Kirabaev, 2017).

Kesalahan dalam Menilai Argumen Falsafah

Ibnu Rusyd juga menegaskan bahawa banyak hujah Al-Ghazali terhadap sang falsafah ini bersifat terlalu simplistik dan gagal memahami kedalaman argumen mereka. Dalam isu kekekalan alam (qadim al-'alam), contohnya, Aristoteles tidak menafikan Tuhan sebagai pencipta. Sebaliknya, beliau

menafsirkan penciptaan dalam bentuk hubungan kebergantungan yang tidak bermula pada titik masa tertentu. Pandangan ini bersifat falsafah dan tidak seharusnya disamakan dengan ateisme. Dalam isu kualiti pula, Al-Ghazali menolak bahawa sesuatu berlaku kerana sebab tertentu. Beliau menyatakan bahawa hanya kehendak Tuhan yang mutlak menjadi sebab, dan bukan hukum semulajadi. Ibnu Rusyd membantah keras pandangan ini kerana ia menolak sistem keteraturan alam yang diciptakan Tuhan sendiri. Jika hukum sebab-akibat dinafikan, maka segala bentuk eksperimen, prediksi ilmiah, dan pemahaman saintifik akan menjadi sia-sia. Misalnya, seorang saintis Muslim sedang mengkaji punca penyakit baru. Dia mengenal pasti virus tertentu sebagai penyebabnya. Berdasarkan prinsip kualiti, dia mencipta vaksin. Namun, jika dia mengikut pendekatan yang menolak kualiti, maka dia harus menerima bahawa penyakit itu berlaku tanpa sebab khusus, dan tiada usaha rawatan dapat dilakukan (Argumen Eksistensi Tuhan Dalam Metafisika Ibn Rusyd Dan St. Thomas Aquinas, 2015). Ibnu Rusyd melihat pendekatan seperti ini sebagai merosakkan asas sains. Hukum sebab-akibat tidak menafikan kuasa Tuhan, tetapi ia adalah manifestasi kuasa Tuhan yang konsisten dan boleh dikaji. Dengan itu, manusia dapat mengenal Tuhan melalui penciptaan-Nya yang teratur dan dapat difahami.

Falsafah Sebagai Jalan Menuju Kemajuan Intelektual

Akhir sekali, Ibnu Rusyd mengkritik kesan jangka panjang penolakan terhadap falsafah seperti yang dibawa oleh Al-Ghazali. Beliau berpendapat bahawa apabila falsafah ditolak, umat Islam akan kehilangan asas pemikiran kritikal dan metodologi ilmiah yang cukup mendalam untuk diamati. Ini akan membawa kepada kemunduran intelektual, penurunan daya saing, dan dominasi taklid buta. Ibnu Rusyd memberi contoh bagaimana tamadun Islam berkembang pesat ketika falsafah dan ilmu rasional diberi tempat seperti di Andalusia dan Baghdad. Ilmu kedokteran, astronomi, muzik, matematik dan logik berkembang pesat kerana interaksi yang sihat antara agama dan rasionaliti.

Namun, selepas zaman Al-Ghazali, falsafah semakin dijauhi dan umat Islam memasuki era kemerosotan ilmu. Bagi Ibnu Rusyd, dialog antara agama dan falsafah perlu diteruskan dengan seimbang. Ilmu agama memperkukuh jiwa, dan ilmu falsafah memperkukuh akal. Jika kedua-duanya disatukan, lahirlah insan yang seimbangkuat spiritual dan intelektual.

Sebagai contoh, di sesetengah institusi pengajian, pelajar hanya belajar ilmu agama secara hafalan tanpa dibenarkan menyoal atau menganalisis. Mereka menjadi pasif dan takut untuk berdialog. Akibatnya, mereka tidak dapat menjawab soalan-soalan falsafah atau sains yang dikemukakan oleh masyarakat moden. Sebaliknya, di universiti yang terbuka kepada wacana falsafah, pelajar Muslim dilatih berfikir secara kritis dan puitis untuk memahami suatu perdebatan, pertengakaran, didaktika, dialektika dan polemik. Mereka boleh mengaitkan hujah etika Kant dengan maqasid syariah, atau menggunakan logik Aristotelian untuk mempertahankan akidah Islam. Ini melahirkan generasi ulul albab yang menggabungkan ilmu dunia dan akhirat.

KESIMPULAN

Kajian ini jika ditilik juga menyajikan sebuah implikasi yang penting serta menjadi 'jantung' dalam ranah falsafah. Dalam pemikiran Islam moden, keseimbangan wahyu dan akal perlu ditekankan kerana ia menjadi sebuah cabaran semasa, termasuk fenoman relativisme moral, krisis identiti dan

perkembangan pesat dalam sains, teknologi, serta budaya global. Pendekatan ini menunjukkan bahawa umat Islam tidak hanya boleh berpegang teguh pada akidah, tetapi juga mampu mengembangkan pemikiran rasional, kritis, puitis, tajam, terang-benderang dan reflektif dalam menilai isu-isu kontemporari. Dengan itu, hasil kajian ini juga akan mendorong untuk pengukuhan pendidikan dan wacana Islam kontemporari yang inklusif, di mana ilmu pengetahuan ini menjadi pijakan-pijakan dan suntikan-suntikan kepada sebuah masyarakat dari aspek ekonomi, budaya, sosiologi bahkan antropologi. Dengan kefahaman ini, umat Islam dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dunia tanpa mengorbankan prinsip spiritual dan etika yang menjadi asas keimanan.

Kritik Ibnu Rusyd terhadap Al-Ghazali bukanlah satu penolakan terhadap wahyu atau nilai spiritual dalam Islam, sebaliknya satu usaha untuk menegakkan keseimbangan antara akal dan iman. Beliau menolak pendekatan Al-Ghazali yang menutup ruang falsafah atas alasan ia menyesatkan, dengan menegaskan bahawa akal yang sihat adalah anugerah Tuhan untuk memahami wahyu dengan lebih mendalam. Bagi Ibnu Rusyd, falsafah dan ilmu logik tidak membawa manusia jauh daripada agama, malah mendekatkannya kepada kebenaran yang lebih rasional dan lestari. Oleh itu, ilmu pengetahuan sama ada berbentuk tekstual atau rasional adalah alat penting dalam perjalanan manusia menuju kebenaran dan memahami realiti ciptaan Tuhan.

Dalam dunia moden yang sarat dengan cabaran pemikiran, relativisme moral, dan krisis identiti, pendekatan Ibnu Rusyd sangat relevan untuk membina umat Islam yang bukan sahaja berpegang teguh pada akidah, tetapi juga bersedia berwacana secara rasional dan terbuka. Umat Islam tidak boleh hanya bertahan dalam benteng emosi dan tafsiran literal, sebaliknya perlu memperkukuh diri dengan ilmu, kebijaksanaan dan kefahaman mendalam. Pemikiran seperti Ibnu Rusyd harus diangkat semula dalam wacana pendidikan dan pemikiran Islam kontemporari agar umat ini mampu menjadi pelopor tamadun, bukan hanya dalam spiritual, tetapi juga dalam sains, falsafah dan etika global.

Oleh itu, peranan akal dan wahyu perlu digabungkan secara seimbang bagi membina tamadun Islam kontemporari yang bukan sahaja berasaskan nilai spiritual dan moral, tetapi juga berupaya menghadapi cabaran intelektual, sosial, dan global dengan kebijaksanaan, kefahaman mendalam, serta kemampuan analisis yang kritis. Gabungan ini membolehkan umat Islam menyumbang secara signifikan kepada pembangunan masyarakat berilmu, beretika, dan progresif, menjadikan mereka pelopor dalam pelbagai bidang seperti sains, falsafah, teknologi, dan etika global, tanpa kehilangan identiti dan asas keimanan yang kukuh.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dalam penulisan Kritik al-Ghazali Tahafut al-Falasifah terhadap Ibnu Rusyd Tahafut al-Tahafut.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, pandangan, serta dorongan dalam penyempurnaan kajian ini, khususnya dalam memperkukuh perbincangan tentang perdebatan falsafah antara al-Ghazali dan Ibnu Rusyd.

PENYATAAN SUMBANGAN PENULIS

Mohamad Azizie Nordin (Idea dan reka bentuk kajian; analisis falsafah; penulisan draf asal; penyuntingan kandungan). Saiful Akram Che Cob (Reka bentuk metodologi; pemilihan data dan sumber rujukan falsafah; pengesahan analisis; penulisan, sokongan akademik dan semakan akhir).

KESEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data yang menyokong hasil dapatan kajian ini boleh diperoleh atas permintaan daripada penulis koresponden.

PENYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan, oleh itu kelulusan etika penyelidikan tidak diperlukan.

RUJUKAN

- Adebolajo, J. (2022). Reading an Islamic epistemology into research: Muslim converts and contemporary religion in Britain. *Journal of Religious Education*, 70, 397–411. <https://doi.org/10.1007/s40839-022-00183-9>
- Ardilla Tari, A., Hasanah, M., & Puspika Sari, H. (2024). Epistemology in Islamic philosophy of education: Exploring the sources of knowledge and truth in the Qur'an and Hadith. *Aslim: Journal of Education and Islamic Studies*, 1(2), 38–47. Retrieved from <https://aslim.kjii.org/index.php/i/article/view/11>
- Hamis Syafaq, Hilmy, M., Musyafaah, N. L., & Alshaykh Ali, M. R. A. (2023). Reconstructing Islamic epistemology: Bridging metaphysics, reason, and revelation. *Teosofi: Jurnal Tasawuf dan Pemikiran Islam*, 14(2), 240–269. <https://doi.org/10.15642/teosofi.2024.14.2.240-269>
- Argumen Eksistensi Tuhan dalam Metafisika Ibn Rusyd dan St. Thomas Aquinas. (2015). *Kanz Philosophia: A Journal for Islamic Philosophy and Mysticism*, 5(1), 31–58. <https://doi.org/10.20871/KPJIPM.V5I1.86>
- Al-Janabi, M., & Kirabaev, N. (2017). Areas of the competence of reason in the teachings of Al-Ghazali. In *Proceedings of ICCSSH 2017* (pp. 43–46). <https://doi.org/10.2991/ICCESSH-17.2017.10>
- Alfi, L. (2018). Konsep ilmu menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (Analisis buku Islam dan Filsafat Sains). *Tasfiyah: Jurnal Pemikiran Islam*, 2(2), 195–210. <https://doi.org/10.21111/TASFIYAH.V2I2.2580>
- Anam, A. (2022). Konsep ilmu menurut Al-Ghazali perspektif filosofis: Aspek ontologi, epistemologi, aksiologi. *Progressa*, 6(2), 19–36. <https://doi.org/10.32616/pgr.v6.2.420.19-36>
- Brinkmann, K. (1998). The natural and the supernatural in human nature: Hegel on the soul. In *Hegel on the Soul* (Vol. 195, pp. 3–18). Springer. https://doi.org/10.1007/978-94-017-2614-6_1

- Hasan, A. (2013). Al-Ghazali and Ibn Rushd (Averroes) on creation and the divine attributes. In *Islamic Philosophy, Science, Culture, and Religion: Studies in Honor of Dimitri Gutas* (pp. 141–156). Springer. https://doi.org/10.1007/978-94-007-5219-1_13
- Imam Al-Ghazali dan Pemikirannya. (2023). *Jurnal Edukasi*, 1(1), 23–31. <https://doi.org/10.59548/je.v1i1.18>
- Reeve, C. D. C. (2013). Soul, soul-parts, and persons in Plato. In *Plato's Forms, Soul and Knowledge* (pp. 147–170). Springer. https://doi.org/10.1007/978-94-007-6004-2_9
- Sarwoto, S. (2013). Pandangan al-Ghazali tentang pendidikan moral. *Al-Mabsut: Jurnal Studi Islam dan Sosial*, 6(1), 46–67. <http://ejournal.iaingawi.ac.id/index.php/almabsut/article/view/58>
- Turner, J. T. (2018). *On the resurrection of the dead: A new metaphysics of afterlife for Christian thought*. Routledge. <https://www.taylorfrancis.com/books/mono/10.4324/9780429435775>